



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA

PELANTIKAN SECARA KONTRAK SELEPAS BERSARA YBHG. TAN SRI RAZARUDIN BIN HUSAIN @ABD RASID SEBAGAI TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA

16 MAC 2023

-
1. Adalah dimaklumkan bahawa seperti yang termaktub di bawah Fasal 4 dan 5 Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan, **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** dengan nasihat **YAB Perdana Menteri** atas perakuan **Suruhanjaya Pasukan Polis** telah memperkenan pelantikan secara kontrak selepas bersara **YBhg. Tan Sri Razarudin bin Husain @ Abd Rasid** sebagai Timbalan Ketua Polis Negara bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa mulai **16 Mac 2023 hingga 15 Mac 2025**.
 2. YBhg. Tan Sri Razarudin Bin Husain @ Abd Rasid berumur 60 tahun, dilahirkan pada 15 Mac 1963 di Dengkil, Selangor. Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Sains Sosial Pengajian Kepolisan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia menjawat pelbagai jawatan di peringkat Negeri dan Kontinjen. Beliau memulakan tugas pada tahun 1984 di Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kontinjen Kedah sebagai Pegawai Penyiasat dan meneruskan khidmat di jabatan tersebut sehingga tahun 1996 dengan pangkat Penolong Penguasa Polis (ASP) di Daerah Muar, Johor. Beliau kemudiannya dilantik sebagai ASP Pentadbiran di Ibu Pejabat Polis Daerah Muar dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Bahagian Pengurusan di daerah sama pada tahun 1997. Pada tahun 1998 beliau kembali bertugas di JSJ Daerah Muar sebagai Pegawai Penyiasat Kanan dan di jabatan yang sama di

Kontinjen Johor. Pada tahun 2000, beliau meneruskan khidmat di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Kluang sebelum menyambung pelajaran di Maktab PDRM Cheras. Kemudian beliau ditempatkan di JSJ Daerah Kota Setar dan dinaikkan pangkat ke Timbalan Penguasa Polis (DSP) dengan memegang jawatan sebagai Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Sandakan. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Ketua Polis Daerah Kudat dan berkhidmat selama tiga (3) tahun di situ. Beliau kembali ke JSJ Bukit Aman di Operasi Khas D8 dengan pangkat Superintenden dan menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana. Sekembalinya dari belajar, beliau dinaikkan pangkat ke Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) dan ditempatkan sebagai Penolong Pengarah D9, JSJ Bukit Aman. Setelah itu dinaikkan pangkat ke Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC) dengan menjawat jawatan sebagai Timbalan Komander, *Special Task Force On Organise Crime* (STFOC), Skuad Taktikal Khas 1 Jenayah Bukit Aman sebelum ke Kontinjen Pulau Pinang sebagai Ketua JSJ. Beliau dinaikkan pangkat ke Timbalan Pesuruhjaya Polis (DCP) sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Perak dua (2) tahun selepas itu seterusnya dinaikkan pangkat ke Pesuruhjaya Polis dengan memegang jawatan sebagai Ketua Polis Perak. Pada bulan September 2020, beliau telah menjawat jawatan sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman dan kemudiannya pada Disember 2021, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Negara.

3. Kerajaan mengucapkan syabas dan tahniah di atas pelantikan ini.

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI

Kementerian Dalam Negeri
Putrajaya

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03 – 8886 8524/ 8525.